

MDC dijadikan agensi sehati ala MIDA

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Kerajaan akan meluaskan peranan Multimedia Development Corporation (MDC) untuk menjadi agensi sehati (*one-stop agency*) ala Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) bagi sektor perkhidmatan terpilih.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, agensi tersebut akan bertanggungjawab untuk memberi panduan serta mempercepatkan perlaksa-

naam projek pelabur dalam sektor itu.

“Pada masa yang sama, syarikat yang mendapat status Koridor Raya Multimedia (MSC) juga akan dijamin 10 perkara di bawah Bil Jaminan termasuk penyediaan infrastruktur maklumat, kebebasan hak milik dan pengambilan tenaga kerja berpengetahuan tanpa sekatan kerakyatan,” ujar beliau.

Katanya, kerajaan yakin MDC akan dapat melaksana-

kan peranan barunya itu dengan berkesan bagi menjana bakal pemangkin ekonomi dalaman negara yang terbaru itu.

MDC telah berjaya menarik serta mendorong syarikat untuk menyediakan kemudahan perkongsian perkhidmatan bersama terutamanya bagi perkhidmatan sokongan Teknologi Maklumat (IT) untuk operasi global mereka seperti pusat maklumat dan pusat pemprosesan data.

“Paling terkini syarikat Ericsson telahpun menubuhkan ibu pejabat manakala HSBC dan Standard Chartered Bank yang merupakan institusi perbankan dan kewangan terkemuka dunia, telah menubuhkan pejabat memproses data elektronik yang akan memberikan perkhidmatan pemprosesan ‘back-end’ dan perkhidmatan hubungan pelanggan kepada kumpulan mereka di seluruh dunia,” jelasnya.